

TARIKH	4 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	10	RUANGAN	Dalam Negeri

Tabung Haji patut tambah pelaburan di Mekah, Madinah

Oleh MOHD RAZALI ZAINAL

PENGURUSAN tertinggi Tabung Haji baru-baru ini merancang untuk melabur dengan membeli sebuah hotel di negara Barat. Walaupun dimaklumkan bahawa pelaburan ini 'akan' menguntungkan dan bakal menambah keuntungan Tabung Haji berlipat kali ganda (seperti kajian yang dibuat oleh pihak pelaburan Tabung Haji) namun persoalannya, sesuaikah lokasi pelaburan itu?

Apakah ada jemaah haji Malaysia akan transit ke negara tersebut sebelum menunaikan haji? Terjaminkah 'kebersihan' punca pendapatan daripada pendapatan hotel tersebut dan langsung dijadikan modal tambahan Tabung Haji bagi menampung jemaah menunaikan haji?

Apakah setiap tahun, pelbagai masalah lama dan baru yang dialami oleh jemaah haji Malaysia terutamanya berkenaan lokasi penginapan yang disediakan oleh Tabung Haji baik di Mekah, Arafah dan Mina bagi jemaah muassasah sudah diselesaikan?

Ketika musim haji, perjalanan ke Masjidil Haram dan pulang ke tempat penginapan memerlukan masa yang agak lama untuk sampai. Ini adalah kerana jemaah ketika itu amat ramai dan padat.

Penulis pernah ke tempat penginapan jemaah Tabung Haji Malaysia yang diberi nama 'Maktab 88'. Ketika telah hampir masuk 'waktu solat', ramai jemaah haji di penginapan tersebut dilihat tidak bergerak untuk ke masjid tetapi mereka ke surau di maktab tersebut. Kira-kira 300 jemaah baik lelaki mahupun wanita, sudah bersedia di surau tersebut. Bila ditanya, kenapa tidak ke masjid, pelbagai jawapan yang diberikan, yang menunjukkan lokasi penginapan dan masjid adalah terlalu jauh untuk jemaah haji yang sudah berumur.

Apakah kerajaan Malaysia melalui Tabung Haji tidak mampu untuk menyediakan tempat penginapan yang berdekatan dengan lokasi masjid? Kenapa Unit Pelaburan

Tabung Haji tidak membuat kajian yang lebih terperinci mengenai lokasi pelaburan yang lebih bernilai terutamanya kepada jemaah haji Malaysia berbanding cadangan untuk melabur ke negara Barat?

Ketika ini, banyak hotel yang sedang dibina di sekeliling Masjidil Haram, Mekah. Inilah lokasi hotel yang sepatutnya dibeli atau dibuat pelaburan. Bukannya membuat pelaburan ke negara Barat yang langsung tidak menguntungkan umat Islam Malaysia untuk hari ini dan sampai bila-bila pun.

Unit pelaburan Tabung Haji sepatutnya berbincang dengan majlis pentadbiran Tanah Suci Mekah untuk mendapatkan lokasi penginapan yang lebih dekat dengan Masjidil Haram agar ia memudahkan jemaah Malaysia.

Pihak pengurusan tertinggi Tabung Haji sepatutnya melihat strategi untuk memperbaiki kemudahan sedia ada di tanah suci setiap tahun supaya jemaah haji Malaysia mendapat perkhidmatan terbaik. Walaupun Tabung Haji sering mendapat pujian

kerana pengurusan jemaahnya berbanding dengan negara lain tetapi masih banyak yang perlu diperbaiki terutama pengurusan penginapan jemaah haji.

Kekurangan ini belum diambil kira masalah keperitan jemaah haji muassasah ketika berada dalam khemah di Arafah dan Mina. Ini bukanlah 'kekurangan' kekal di Tanah Suci Mekah, sebaliknya ia boleh diperbaiki jika pengurusan Tabung Haji berbincang dengan pihak Kerajaan Arab Saudi untuk menjadikan kemudahan haji yang terbaik bagi setiap jemaah.

Oleh sedemikian, Tabung Haji fikirkanlah bagaimana hendak menyediakan kemudahan terbaik kepada setiap jemaah haji Malaysia yang kurang berkemampuan untuk mengambil pakej swasta yang harganya berlipat kali ganda jika dibandingkan dengan pakej 'muassasah'.

Jadikanlah suasana 45 hari di Mekah dan Madinah satu pakej ibadah yang terbaik dalam kehidupan jemaah haji Malaysia.